



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TINTA

GLORIOUS EXPERIENCES

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Penaung

Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri)

Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad

Pensyarah Penasihat

En. Mohd Zailan Endin
Dr. Wan Ab. Kadir Wan Dollah
En. Shaharom TM Sulaiman

Ketua Editor

Muhammad Fahmi Shamsi

Penolong Ketua Editor

Nurul Syuhaida Azmi

Setiausaha

Roziyah Omar

Penolong Setiausaha

Siti Zuraizah Mat Napi

Grafik

Nurulhidayu Azmin

Editor

Aida Hafizza Sabtu
Azilah Zainal Abidin @ Ahmad
Hartini Jubidi
Khuzairiah Shaari
Nor Adilah Mohd Noor Aimi
Norhayatimah Jamil
Norsalwa Mat Isa
Noor Eliani Noor Rawi
Noor Faezah Hasan
Nurul Nabilah Ibrahim
Nurul Nadrah Abdul Kader
NurShahidah Mohamad Ali
Siti Hajar Mat Arsat
Siti Syazwana Che Said
Wan Nurul Hazira W Mahmood

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03 7962 2013 / 2020
Faks: 03 7962 2007
<http://www.fpm.uitm.edu.my>

Dicetak oleh

Pusat Percetakan UiTM
Tel: 03 55444024
Faks: 03 55444023

ISSN 0127-5100

DARI EDITOR

Bil. 20/2011

"Ambillah waktu untuk berfikir, itu adalah sumber kekuatan. Ambillah waktu untuk bermain kerana itu adalah rahsia dari masa muda yang abadi. Ambillah waktu untuk berdoa, itu adalah sumber ketenangan dan ambillah waktu untuk belajar kerana itu adalah sumber kebijaksanaan".

Pepatah ini sering didengari dalam kehidupan kita dan dijadikan sebagai landasan untuk kita menuju ke puncak kejayaan. Untuk mencapai sesuatu kejayaan, jalan yang terpaksa dilalui penuh dengan onak dan liku. Semua orang yang berada di tangga teratas sekarang semestinya telah melalui detik kegagalan sebelum mereka dapat menghirup nafas lega dengan hasil yang mereka kecapai sekarang.

Pengalaman lalu banyak mengajar mereka erti kehidupan yang sebenar dan mereka boleh menyesuaikan diri mereka dalam semua keadaan kerana mereka telah memilih jalan yang susah terlebih dahulu sebelum mencapai kesenangan. Mereka telah gagal sekali dan tidak mungkin mereka ingin gagal lagi. Oleh yang demikian, mereka mengambil pengalaman sebagai petunjuk untuk membuat sesuatu keputusan di dalam dunia global kini. Negara Malaysia dahulunya yang berasaskan kepada pertanian kini bertukar menjadi perindustrian telah banyak merubah cara hidup masyarakatnya. Dengan adanya teknologi yang canggih, segala kerja dapat diselesaikan dengan cepat dan lebih berkualiti.

Selain itu, hubungan antara negara luar dapat dieratkan dengan jaringan komunikasi yang tiada sempadan. Semuanya hanya dihujung jari untuk mengakses maklumat dari dalam dan luar negara. Namun semakin canggih mana pun teknologi itu tidak bermakna tanpa pengetahuan dan pengalaman. Itulah yang dikatakan dengan "*Glorious from Experiences*".

Bahagian pertama keluaran kali ini memuatkan biografi tokoh-tokoh terpilih manakala bahagian kedua memuatkan artikel-artikel yang merupakan isu dalam bidang pengurusan maklumat.

Semoga penerbitan majalah ini akan memberi maklumat yang berguna dan juga semangat kepada sesiapa sahaja yang membacanya. Sudah semestinya sebagai golongan berpendidikan kita mahukan impak yang positif hasil dari majalah ini. Namun begitu hasil dari pengalaman dan cabaran yang telah ditunjukkan dalam majalah ini terpulang kepada individu atau masyarakat itu sendiri untuk mengambil ia sebagai pengajaran atau sebaliknya.

Sidang Editor ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan penerbitan ini. Selamat Membaca!

MAKLUMAN

TINTA adalah sebuah terbitan tahunan oleh para pelajar program *Bachelor of Science in Information Studies (Hons) @ IM 220* yang mengambil kursus *Publications and Production of Information Materials (IML 601)*. Skop rencana meliputi pelbagai isu dalam bidang pengurusan maklumat.

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A

PROFESOR DATO' DR. HJ. RAJA ABDULLAH RAJA YAACOB	1
oleh Muhamad Fahmi Shamsi & Nurul Syuhaida Azmi	
PROF. MADYA FUZIAH MOHD. NADZAR	5
oleh Aida Hafizza Sabtu & Nurul Nabilah Ibrahim	
DR. WAN ALI WAN MAMAT	18
oleh Azilah Zainal Abidin @ Ahmad & Norhayatimah Jamil	
DATO' ZAWIAH BABA	26
oleh Nor Adilah Mohd Noor Aimi & Khuzairiah Shaari	
DATO' HAJI SIDEK HAJI JAMIL	31
oleh Nurul Nadrah Abdul Kader, Nur Shahidah Mohamad Ali & Siti Hajar Mat Arsat	
DATIN PADUKA SHAHANEEM HANOUM N. N. DADAMEAH	43
oleh Noor Eliani Noor Rawi & Siti Syazwana Che Said	
DATO' HUSSAMUDDIN YAACUB	49
oleh Hartini Jubidi & Noor Faezah Hasan	
DR. ZURINAH HASSAN	53
oleh Norsalwa Mat Isa & Wan Nurul Hazira Wan Mahmood	

BAHAGIAN B

UNDERLYING RESEARCH PHILOSOPHICAL ORIENTATION IN SOCIAL SCIENCE RESEARCH: POSITIVISM VS. INTERPRETIVISM	59
by Siti Arpah Noordin	
PENGURUSAN KALBU PEMANGKIN PENGUKUHAN MODAL INSAN	79
oleh Aliza Ismail & Zuraidi Zainol Abidin	
PANDUAN MENGURUS RUANG PENYIMPANAN PUSAT REKOD	87
oleh Hanis Diana Kamarudin, Jafalizan Md. Jail, Ahmad Azman Mohamad Ramli & Nor Erlissa Abd. Aziz	
TUJUH SIKAP TERPUJI PEKERJA CEMERLANG: SATU PERBINCANGAN YANG BERDASARKAN PENGALAMAN KERJA	97
oleh Ahmad Azman Mohamad Ramli	
TRIP TO KARANGKRAF PUBLICATION	108

A VISIT TO THE STAR INFORMATION CENTRE, PETALING JAYA (PPM JELAJAH
DIGITAL SIRI 3).....109

LAPORAN PROGRAM “KARNIVAL ILMU & MAKLUMAT 1MALAYSIA”.....115



PROF. MADYA FUZIAH MOHD. NADZAR

oleh

Aida Hafizza Sabtu & Nurul Nabilah Ibrahim

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Abstract

Fuziah binti Mohd. Nadzar is an Associate Professor in the Faculty of Information Management, Universiti Teknologi MARA (UiTM). She was born 55 years ago in Hospital Besar, Kuala Lumpur. She received her diploma at Institut Teknologi Mara (ITM) and managed to achieve ITM's Library Science Best Student Award in 1979. After she completed her Master in Library Science at Case Western Reserve University, Cleveland, Ohio, US, she joined the School of Library Science, ITM as a young lecturer. She has been with UiTM for the past 29 years. Prof. Madya Fuziah is a hardworking person and is passionate about her work in this field. Being an Associate Professor, she is actively contributing to the Library Science field with her translation works with IFLA, books, and articles and, also being invited to conduct workshops for other organizations. Aside from that, she had achieved some awards such as Anugerah Khidmat Cemerlang UiTM for 1997 and 2009. In 2008, she was awarded Anugerah Khidmat 25 Tahun di UiTM. Prof. Madya Fuziah is hoping that the profession will be well-recognized by the society and that graduates will be catalysts for change in the field.

Keywords

Fuziah Mohd. Nazar, Library Science, Faculty of Information Management

Latar Belakang

Prof. Madya Fuziah binti Mohd. Nadzar dilahirkan pada tahun 1956 di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Bapa beliau pada masa itu bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson, Ipoh. Memegang jawatan sebagai guru disiplin dan guru matapelajaran Bahasa Melayu, bapanya seorang yang sangat



mementingkan penggunaan Bahasa Melayu yang baik dan betul serta beliau juga menekankan kemahiran berbahasa Inggeris dalam pendidikan dan kehidupan seharian. Mengimbau kembali kenangan zaman kanak-kanaknya, beliau berkata bapanya mendidik mereka adik-beradik melalui komik-komik Inggeris yang dibeli dari England dan Amerika Syarikat, seperti *Beano and Dandy*, *Archie*, komik superhero Amerika seperti *Spiderman*, dan lain-lain lagi.

Walau pun gaji seorang guru pada masa itu kecil, dan bapanya sahaja yang bekerja, namun bapa beliau dapat berjimat-cermat untuk membeli ensaiklopedia serta melanggan majalah *Life*, *National Geography* dan *Readers' Digest* supaya mereka semua dapat membaca dan menambah ilmu. Salah satu kegiatan adalah membaca dengan kuat (*aloud*) bersama-sama, dan tujuannya adalah untuk mendengar kesilapan-kesilapan dalam Bahasa Inggeris seperti nahu, tatabahasa, dan sebutan perkataan. Sesungguhnya setiap hari merupakan hari yang amat menggembirakan.

Setiap minggu beliau dan adik-beradiknya seramai enam orang dimestikan menulis karangan dalam Bahasa Melayu, dan mereka sering diuji mengenai nahu dan tatabahasa sambil membaca akhbar, menonton televisyen atau mendengar radio pada ketika itu. Walau pun cara mendidik yang diamalkan oleh bapanya kelihatan menekan, namun semuanya dilakukannya dengan cara yang santai, menyeronokkan, serta amat berkesan. Melalui kegiatan membaca bersama-sama ini membuatkan mereka sekeluarga menjadi amat rapat dan kasih-mengasihi di antara satu sama lain. Ini merupakan suatu kenangan sepanjang membesar yang tidak mungkin dapat beliau lupakan sepanjang hayat.

Pendidikan awalnya bermula di Sekolah Rendah Raja Perempuan Ipoh, Perak Darul Ridzuan dari darjah satu hingga darjah enam. Selepas itu, beliau menyambung pelajarannya di peringkat menengah di Sekolah Menengah Main Convent, Jalan Brewster, Ipoh dari tingkatan satu hingga tingkatan empat. Pada tahun 1971 pula, bapa beliau mendapat tawaran kerja sebagai seorang pensyarah untuk mengajar Bahasa Melayu di Universiti Malaya. Beliau sekeluarga berpindah dan tinggal bersama-sama nenek beliau di taman perumahan yang terkenal dengan nama kawasan Melayu di "Oldtown PJ". Beliau menyambung tingkatan Lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Petaling Garden, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Semasa berada di tingkatan lima, beliau berserta beberapa orang rakan sekelas telah membentuk satu kumpulan nyanyian dan telah mengambil bahagian dalam satu pertandingan nyanyian anjuran Rotary Club Petaling Jaya. Oleh kerana kesemuanya berminat menyanyi, latihan secara berkumpulan untuk mendapatkan keseimbangan suara nyanyian berharmoni tidak mengambil masa yang lama untuk dilakukan. Kumpulan Prof. Madya Fuziah dan rakan-rakan telah mendapat tempat kedua dalam pertandingan itu yang diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Hobi beliau ini mendapat sokongan seluruh anggota keluarganya dan ibu serta abangnya telah menghadiri pertandingan tersebut sebagai tanda sokongan. Sehingga kini beliau gemar menyanyi sebagai satu cara untuk menghilangkan tekanan kerja.

Persekolahannya di peringkat Higher School Certificate (kini dikenali sebagai STPM) diteruskan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya. Masih segar lagi dalam ingatan beliau hari pertama memasuki tingkatan enam, beliau dihantar oleh bapanya. Para pelajar lain pada masa itu senyum-senyum kambing memerhatikan gelagat seorang pelajar yang sudah dewasa yang masih dihantar oleh bapanya untuk mendaftar kelas. Namun Prof. Madya Fuziah menyatakan beliau tidak berasa malu dengan keadaan tersebut, malah berbangga dan amat menghargai kesudian bapanya meluangkan masa untuk bersamanya mendaftar di sekolah baru. Kini beliau sebagai ibu telah mengambil pendekatan yang sama dengan anak-anak beliau sendiri ketika mereka mendaftar di sekolah atau kolej.

Selepas menamatkan persekolahan tingkatan lima dan tingkatan enam, beliau bekerja sementara di Universiti Malaya (UM) sebagai pembantu peperiksaan. Bapa beliau percaya bahawa bekerja sementara menunggu keputusan peperiksaan adalah cara yang baik untuk membina keyakinan diri, membantu dalam proses sosialisasi seorang remaja, memberi peluang kepada seorang remaja untuk menerima dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab pekerjaan, serta mendedahkan seorang remaja pada pengurusan dan perbelanjaan gaji yang diterimanya. Sepanjang bekerja dengan gaji sebanyak RM15.00 sehari selama dua bulan, beliau dapat merasai nikmat kebebasan kewangan yang sebelum itu tidak dapat beliau merasainya kerana bergantung kepada bapanya untuk mendapatkan wang belanja. Namun demikian, beliau tidak membazirkan wang gaji yang diperolehi, sebaliknya menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan yang diperlukan seorang remaja pada masa itu, seperti membeli buku dan majalah "Seventeen". Beliau masih ingat lagi semasa ibu-bapanya memberikannya dua pasang baju baru berwarna merah dan biru, beliau telah pergi ke kedai untuk membeli dengan wang sendiri "shoe dye" berwarna merah dan biru agar dapat mengecat sepasang kasut *Scholl* berwarna putih dengan warna-warna itu untuk dipadankan dengan baju-baju tersebut. Pada masa itu, Prof. Madya Fuziah seperti ramai remaja lain yang tidak mempunyai banyak duit selalu mencari idea untuk mempelbagaikan barangan kepunyaan mereka supaya mereka sentiasa kelihatan bergaya, mempunyai banyak baju atau kasut, dan sebagainya.

Setelah musim peperiksaan universiti tamat, beliau serta dua rakan pembantu peperiksaan yang sedang menunggu keputusan HSC, ditawarkan pula jawatan pembantu perpustakaan sementara di Bahagian Katalog, Perpustakaan Universiti Malaya, dalam tahun 1976. Beliau ditugaskan untuk membantu pustakawan menyediakan salinan katalog bagi "backlogs" (buku-buku yang belum sempat dikatalog). Sekitar 40,000 judul buku terhimpun untuk disiapkan

pengkatalogan dalam masa enam bulan. Kerja pengkatalogan yang dibuat merupakan proses “*copy cataloging*”, dan sumber-sumber rujukan untuk membuat pengkatalogan salinan yang digunakan adalah *Library of Congress Pre-56 Imprints*, data *Cataloging-In-Publication (CIP)*, *Library of Congress National Union Catalogs (NUC)*, senarai rak dan fail-fail kuasa di Bahagian Katalog, Perpustakaan Universiti Malaya. Kuota kerja yang ditetapkan setiap hari adalah sebanyak 30 judul atau lebih bahan perlu disediakan data katalog tahap entri pertama (*1st level entry catalog data*). Beliau menegaskan di situlah beliau diberi pendedahan awal mengenai pengkatalogan dan mula meminati bidang Sains Perpustakaan.

Pada waktu itu juga beberapa orang pelajar jurusan Sains Perpustakaan dari Institut Teknologi MARA (ITM) yang sedang bercuti kerana episod penutupan kampus Shah Alam disebabkan demonstrasi para pelajar berkaitan peristiwa kebuluran yang dikatakan telah berlaku di daerah Baling, Kedah, telah bekerja sambilan di Perpustakaan Universiti Malaya. Prof. Madya Fuziah hanya mengetahui mengenai kewujudan kursus *Diploma in Library Science* yang dijalankan oleh *School of Library Science*, ITM melalui perkenalan dengan para pelajar tersebut yang ketika itu berada dalam tahun ke-3 pengajian mereka. Salah seorang pelajar yang beliau kenali ketika itu dan merupakan sahabat karib beliau sehingga ke hari ini adalah Puan Norehan Dato' Ahmad, yang juga merupakan bekas pensyarah di Fakulti Pengurusan Maklumat. Persahabatan di antara keduanya telah pun terjalin selama 35 tahun semenjak tahun 1976.

Keputusan HSC yang diperolehi membolehkan beliau memohon untuk mengikuti pengajian *Diploma In Library Science* (setaraf Ijazah Sarjana muda Am). Pada masa itu kesemua pemohon yang layak dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga sebelum layak ditawarkan tempat untuk mengikuti kursus tersebut. Beliau tidak dapat melupakan soalan-soalan mengenai katalog dan kerja pengkatalogan yang ditanya oleh Datin Molina Nijhar yang merupakan Ketua Kajian ketika itu. Oleh kerana beliau telah mempunyai pengalaman bekerja di Bahagian Katalog, kesemua soalan yang ditanya dapat dijawab dengan yakin dan tepat. Beliau juga tidak lupa menghargai jasa baik Puan Khoo Siew Mun, Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaya ketika itu, yang telah memilih dan mengambilnya bekerja untuk membantu menyelesaikan masalah “*cataloging backlogs*” tersebut.

Kejayaan dalam temuduga itu membolehkan beliau diterima sebagai seorang pelajar Kajian Sains Perpustakaan, di Institut Teknologi Mara (ITM), Jalan Othman. Pada waktu yang sama, beliau turut mendapat tawaran untuk mengikuti kursus perguruan jurusan Bahasa Inggeris dan

Pendidikan Seni di Maktab Ilmu Khas, Cheras. Akan tetapi, walaupun menyimpan hasrat untuk menjadi guru, beliau memilih untuk menolak tawaran tersebut kerana minat terhadap Sains Perpustakaan mula bercambah. Selama tiga tahun di ITM, beliau merupakan seorang pelajar yang aktif, rajin, fokus dan gigih berusaha kerana beliau telah menanam keazaman dari awal lagi untuk menjadi pelajar terbaik Kajian. Beliau mempunyai beberapa orang rakan karib yang sentiasa bersaing untuk mendapat keputusan cemerlang dan menjadi “*top student*” setiap semester. Mereka membentuk “*study group*” dan setiap pelajar mengambil giliran untuk mengajar pelajar-pelajar lain dalam kumpulan. Mungkin juga dari sini bermulanya minat beliau untuk menjadi seorang pensyarah dalam bidang ini.

Minat yang mendalam telah menyebabkan beliau sentiasa mendapat keputusan yang cemerlang dalam kesemua subjek pengkatalogan dan pengkelasan, subjek sosiologi, subjek Bahasa Mandarin dan subjek-subjek elektif yang lain. Usaha keras dan keazaman beliau menghasilkan kejayaan apabila beliau terpilih menerima Anugerah Pelajar Terbaik Kajian Sains Perpustakaan, ITM pada tahun 1979. Anugerah tersebut mendapat tajaan daripada Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) dan beliau menerima hadiah berbentuk baucer buku dan Pingat Emas PPM untuk Pelajar Terbaik Sains Perpustakaan.

Selepas menamatkan peperiksaan akhir semester enam, sebelum bergraduat, beliau telah bertugas sebagai Pegawai Perpustakaan dengan gaji sebanyak RM350.00 di firma Hanafiah, Raslan & Mohamad (HRM), sebuah firma perakaunan di bangunan Bangkok Bank, Kuala Lumpur. Walau pun beliau merupakan pelajar terbaik Kajian, beliau sepatutnya boleh memegang jawatan di perpustakaan sektor kerajaan dengan gaji yang bersesuaian kelayakan profesional yang diperolehi. Namun, Prof. Madya Fuziah lebih mementingkan cabaran bekerja di sebuah perpustakaan khusus dalam bidang perakaunan, suatu bidang yang beliau tidak mempunyai sebarang pengetahuan. Beliau mula membaca buku pengenalan kepada perakaunan dan mengikuti kursus latihan asas untuk para kerani audit yang disediakan oleh firma tersebut untuk menimba pengetahuan mengenai subjek tersebut. Ketua beliau, Encik Abu Hanifah Nordin, salah seorang pengurus audit firma tersebut, banyak membantu beliau memahami bidang itu sehingga membolehkan beliau menjalankan tugas menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat yang baik, cepat dan berkesan. Beliau telah bekerja di perpustakaan khusus itu selama satu setengah tahun. Semasa bekerja di situ, beliau telah berjaya menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan melaksanakan satu sistem pengkelasan fail-fail pelanggan syarikat. Sepanjang bekerja di sana, beliau mendapat beberapa

tawaran kerja yang menawarkan gaji yang lebih lumayan, namun beliau hanya meninggalkan jawatan di HRM setelah mendapat tawaran biasiswa untuk melanjutkan pelajaran.

Tajaan Biasiswa Tenaga Pengajar Muda ITM telah memungkinkan beliau melanjutkan pengajian di Case Western Reserve University, Cleveland, Ohio, Amerika Syarikat. Beliau menyimpan hasrat untuk menimba pengalaman sebanyak mungkin untuk menyumbang ilmu kepada anak bangsa sendiri. Selama di luar negara, beliau juga bekerja di Freiburger Library sebagai Pembantu Pegawai Perpustakaan (Pelatih) selama setahun dan melakukan tugas mengkatalog buku-buku untuk projek *Eighteenth Century Short Title Cataloging (ESTC)* anjuran Library of Congress, Amerika Syarikat. Pengalaman kerja mengkatalog banyak membantu mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ini. Selain itu, pengalaman berinteraksi dengan rakan-rakan sekerja membantu memantapkan beliau dalam bidang ini.

Pengalaman Kerja di UiTM

Sebagai seorang staf akademik di ITM, selain mengajar, Prof. Madya Fuziah diberikan peluang untuk mendapat pendedahan dan pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. Beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Kursus Program LS20 Kajian Sains Perpustakaan, ITM (Januari 1989 – Disember 1990) dan kemudian memegang jawatan Ketua Kajian (Dekan) Kajian Sains Perpustakaan, ITM (Januari 1991 – Disember 1994). Di antara sumbangan terbesar beliau adalah kejayaan mewujudkan program empat tahun *Advanced Diploma in Library Science*. Sebagai seorang pensyarah dari tahun 1982 hingga kini, bidang pengkhususannya adalah *information storage and retrieval*, terutama subjek *computerized cataloging, abstracting and indexing, metadata, thesaurus construction*, dan subjek-subjek lain dalam bidang sains perpustakaan juga akan diajar apabila ditugaskan. Beliau mengajar di kedua-dua peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Sebagai seorang pensyarah, beliau seorang yang tegas serta tidak suka kepada sikap pelajar yang tidak serius semasa tempoh pembelajaran mereka. Ramai dari kalangan graduan beliau yang mengimbau kenangan rasa takut, *tension*, risau, benci dan banyak lagi perasaan sedemikian ketika belajar dengannya, kini berterima kasih dan menghargai bahawa ketegasan beliau telah menyebabkan mereka menjadi manusia berguna pada hari ini.

Beliau juga menjalankan kerja penyelidikan sebagai salah satu tanggungjawab akademik untuk UiTM dan pihak luar UiTM dari tahun 1987 hingga sekarang. Selain itu, dari tahun 1986 hingga sekarang beliau juga menjadi perunding yang menjalankan kerja perundingan untuk MASTIC,

Dewan Bahasa dan Pustaka, PUSPATI dan kini dikenali sebagai Agensi Nuklear Malaysia, KWSP. Prof. Madya Fuziah juga banyak menerima jemputan sebagai seorang pensyarah atau fasilitator untuk mengendalikan bengkel-bengkel dan kursus-kursus pendek anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, STAR Publications, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, PETRONAS dan banyak lagi. (1984 – kini). Di samping itu beliau dilantik sebagai *editor* untuk melakukan tugas menyunting dan menyelia susunatur terbitan dalaman Fakulti, seperti *Buletin FPM* (April 2005 – Mei 2007), *Jurnal Pengetahuan Maklumat* dan *Jurnal Informika*.

Antara jawatan lain yang pernah beliau sandang ialah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Program Pembangunan dan Pemantauan Pensyarah. Bertanggungjawab menyediakan instrumen untuk memantau pengajaran para pensyarah Fakulti di kesemua kampus dengan tujuan pembangunan dan penambahbaikan kaedah pengajaran para pensyarah. Cadangan-cadangan penambahbaikan hasil dari proses pemantauan ke atas pengajaran para pensyarah telah dikemukakan pada Dekan Fakulti. (Januari 2009 – Disember 2010). Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penilaian dan Pengujian yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan proses penyemakan kesemua kertas peperiksaan akhir di Fakulti untuk memastikan tahap mutu kertas peperiksaan akhir yang “zero defect”. Jawatankuasa ini juga telah menganjurkan program dan bengkel berkaitan penilaian dan pengujian untuk para staf akademik (Januari 2001 – November 2003). Selain itu, beliau juga merupakan Auditor Akademik Dalaman yang menjalankan tugas mengaudit Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur Bahan, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Fakulti Pengurusan Pejabat dan Teknologi, serta Kampus UiTM Jengka dan kampus UiTM Merbok bagi pihak INKA, UiTM (2000-2002). Beliau pernah bertugas sebagai pemeriksa luar yang dilantik untuk memeriksa tesis Sarjana pelajar Jabatan Sains Perpustakaan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Akademik Fakulti yang bertanggungjawab membuat pelbagai keputusan dan dasar akademik untuk kemajuan dan perkembangan di Fakulti (1988 – kini).

Penghargaan dan Pencapaian

Sepanjang bertugas sebagai pensyarah di UiTM, beliau telah menerima beberapa anugerah seperti Anugerah Khidmat Cemerlang UiTM tahun 1997 dan 2009. Pada tahun 2008 pula, beliau dianugerahkan Anugerah Khidmat 25 Tahun di UiTM. Sehingga ke hari ini, beliau telah bertugas di UiTM selama 29 tahun. Awal 2010 pula memberi kenangan manis apabila beliau

bersama seorang pensyarah dari UiTM cawangan Merbok menyertai *Invention, Innovation and Design* (IID) dan berjaya memperoleh *Bronze* dan *Silver Medals* untuk ciptaan perisian perpustakaan sekolah.

Sumbangan dan Perkembangan Terbaru

Prof. Madya Fuziah juga menjalankan beberapa penyelidikan dan perundingan sepanjang bertugas sebagai pensyarah di Fakulti, kerana kerja penyelidikan dan perundingan adalah sebahagian dari tugas sebagai seorang pensyarah. Salah satu projek perundingan besar yang pernah beliau lakukan bersama-sama Prof. Dr. Szarina Abdullah dan beberapa orang pensyarah fakulti lain ialah “Bibliometric Studies for Science and Technology in Malaysia” bagi pihak MASTIC (*Ministry of Science Technology Information Center*) di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI). Projek perundingan ini adalah projek fasa kedua yang mengambil masa hampir dua tahun untuk disiapkan,

Sebagai seorang yang mahu melihat peristilahan Bahasa Melayu berkembang dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat, beliau telah berusaha bersama-sama Encik Sohaimi Zakaria (kini Prof. Dr. Sohaimi Zakaria) menterjemah dan menerbitkan buku “*Introduction to Abstracting and Indexing*” karya Cleveland and Cleveland yang diterbitkan oleh pihak Biroteks ITM dalam tahun 2000. Beliau juga dijemput oleh kumpulan perunding projek perundingan yang dianggotai oleh Cik Salmah Salleh (kini pensyarah bersara) dan Encik Mohd Sharif Mohd Saad (kini Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad) untuk menterjemahkan laporan perundingan untuk pihak Perpustakaan Negara Malaysia yang berjudul *Kajian Mengenai Penggunaan Piawaian Metadata untuk Sumber-sumber Maklumat Elektronik oleh Agensi-agensi Kerajaan Malaysia (A Study on the Use of Metadata Standards for Electronic Information Resources by Malaysian Government Agencies)*.

Demi minat beliau terhadap kerja penterjemahan dan hasratnya agar Bahasa Melayu menjadi bahasa yang kekal relevan di dalam bidang ini di masa hadapan, Prof. Madya Fuziah telah menawarkan diri pada pihak IFLA (*International Federation of Library Associations and Institutions*) khidmat menterjemah penerbitan-penerbitan IFLA secara sukarela. Sehingga kini, sebanyak enam buah penerbitan penting IFLA telah diterjemah dan dimuatnaik dalam laman sesawang IFLA untuk dirujuk oleh sesiapa yang berminat membaca bahan-bahan itu dalam Bahasa Melayu. Kesimpulannya, minat beliau terhadap kerja-kerja penterjemahan ini telah terbit dari cara beliau dibesarkan dan dididik oleh bapanya untuk menyayangi bahasa

ibundanya. Di antara penerbitan yang telah diterjemah adalah Garispanduan Mengenai Literasi Maklumat untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat (*Guidelines on Information Literacy for Lifelong Learning*); Garispanduan untuk Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak (*Guidelines for Library Services for Children*), Garispanduan untuk Bahan-bahan Audiovisual dan Multimedia di dalam Perpustakaan dan Institusi Lain (*Guidelines for Audiovisual and Multimedia Resources in Libraries and Other Institutions*) Garispanduan untuk Perkhidmatan Perpustakaan kepada Orang-orang Cacat Pendengaran (*Guidelines for Library Services to Deaf People*), Garispanduan untuk Perkhidmatan Perpustakaan kepada Para Remaja (*Guidelines for Library Services for Young Adults*) dan yang terkini ialah Garispanduan untuk Perkhidmatan Perpustakaan kepada Bayi dan Anak-anak Kecil (*Guidelines for Library Services for Toddlers and Babies*).

Selain itu, Prof. Madya Fuziah turut pernah menyumbangkan artikel untuk penerbitan TINTA. Antara artikel yang pernah diterbitkan ialah “Classification of Knowledge and Book Classification” (TINTA, v. 6) dan “Penggunaan Maklumat di Kalangan Pembuat-pembuat Dasar Negara di Malaysia dan Penilaian tentang Kesedaran Mereka Mengenai Maklumat dan Perkhidmatan Maklumat” (TINTA, v. 5), “Making a Concordance by Computer” (Jurnal Maklumat, v. 2) dan “Information Representation” (Jurnal Maklumat, v. 1) pula merupakan hasil penulisan beliau yang pernah diterbitkan di dalam JERNAL MAKLUMAT.

Oleh kerana beliau berpengalaman luas dalam bidang ini, beliau juga kerap kali dijemput untuk menyampaikan modul dalam bengkel-bengkel seperti bengkel Penyediaan Abstrak dan Indeks untuk staf Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan-perpustakaan lain (2008), bengkel Pengenalan Kepada Konsep Taxonomy anjuran Perpustakaan Petronas (2008), dan beberapa bengkel lain yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sekitar tahun 1995-1997.

Harapan

Prof. Madya Fuziah menyimpan harapan agar graduan Fakulti Pengurusan Maklumat khususnya Pengajian Perpustakaan dan Maklumat bukan hanya menjadi pekerja semata-mata, tetapi turut membawa perubahan untuk bidang ini demi pembangunan sebuah negara berasaskan pengetahuan. Beliau juga berharap agar graduan-graduan boleh mengubah persepsi masyarakat terhadap kerjaya sebagai pustakawan dan menganggap kerjaya ini mampu setaraf dengan kerjaya-kerjaya “glamorous” yang lain. Beliau berharap para graduan

akan senantiasa berhubungan dengan “*alma mater*” mereka untuk pelbagai tujuan kebaikan bersama. Memandangkan beliau akan bersara wajib dalam masa empat tahun dari sekarang, Prof. Madya Fuziah amat berharap Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM akan menjadi sebuah fakulti terulung dalam bidang ini di Malaysia serta berjaya mengadakan banyak rangkaian dan kerjasama dengan fakulti-fakulti dari universiti-universiti ternama dunia demi memastikan kecemerlangan fakulti pada masa hadapan.

Gambar Kenangan



Bergambar beramai-ramai selepas sesi penggubalan semula kurikulum – ahli-ahli kajian bersama Prof. Emeritus Marta Dosa dari Universiti of Syracuse sebagai External Examiner (1992).




Bergambar bersama – sama para pustakawan dari Thailand Librarians Association yang melawat Kajian Sains Perpustakaan, ITM (1994).



Sebagai dekan sewaktu memberi ucapan perasmian kegiatan akademik di Kajian Sains Perpustakaan, ITM, Jalan Othman, Petaling Jaya (1992).



Lawatan akademik bersama para pelajar tahun akhir ke Singapura dari kiri: Faridah Talib (kini Timbalan Ketua Pustakawan PTAR), Puan Siti Hasnah Simanjuntak (kiri pesara di Medan Sumatera) (1983).



Bersama para pelajar tahun akhir melakukan lawatan akademik ke Bangkok, Thailand (1987).



Bergambar bersama Mentee selepas pertemuan Mentor – Mentee (1987).



Bergambar bersama Prof. Emeritus Marta Dosa pada majlis makan malam selepas program penggubalan kurikulum dari kiri: Prof. Emeritus Marta Dosa, Prof. Madya Dr. Zohra Ibrahim (kini di Doha, Qatar), Prof. Madya Fuziah, Puan Sri Molina Nijhar (kini pesara), Prof. Madya Indahsah Hj. Sidek (kini di Malaysian Communications and Multimedia Comission (MCMC) dan Cik Salmah Salleh (kini pesara) (1992).

LAPORAN PROGRAM

“KARNIVAL ILMU & MAKLUMAT 1MALAYSIA”

Pengenalan program

Program Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia dilaksanakan untuk memenuhi keperluan subjek “Public Relations In Information Works”(IML 553). Di samping itu juga ia diperkenalkan bagi melaksanakan tuntutan tanggungjawab mahasiswa dalam pembangunan masyarakat. Program ini dirangka dengan kerjasama erat di antara Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Jabatan-jabatan awam daerah Jelebu, Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia. Dengan berasionalkan untuk membuka peluang penglibatan golongan muda mendampingi masyarakat melalui kegiatan kemasyarakatan, kekeluargaan, kejiranan dan pendidikan dan membangunkan fungsi sosial masyarakat bagi mencapai kualiti peribadi unggul, Pelaksanaan program ini terbahagi kepada tiga elemen utama; Kepimpinan, Kesedaran dan Kerjasama.

Latarbelakang dan Objektif Program

- a) Menjayakan inisiatif *Vice Chancellor Special Project (VCSP)* di bawah kategori projek Kasih Sayang 1Malaysia untuk mendekatkan UiTM dengan masyarakat.
- b) Mempromosikan aktiviti membaca dan menekankan budaya ilmu kepada semua kaum khususnya sekitar Kuala Klawang dan masyarakat lain amnya.
- c) Menjalin dan mengeratkan hubungan silaturahim di antara mahasiswa UiTM dengan pelbagai kaum melalui aktiviti-aktiviti sesuai yang dirancang.
- d) Mempromosikan program-program yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat khasnya dan UiTM umumnya.

Sejumlah 10 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan di Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia dan pelajar kumpulan IS205B telah dipilih bagi melaksanakan program ini dengan dengan kerjasama erat di antara Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Jabatan-jabatan awam daerah Jelebu, Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia. Program ini diadakan pada 8 hingga 10 Oktober 2010, seramai 40 orang

pelajar ini telah ditempatkan di Hotel Sri Klawang yang berdekatan dengan lokasi karnival bagi melancarkan program.

Aktiviti Program Yang Telah Dilaksanakan

Berikut adalah senarai aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival (gambar-gambar dilampirkan)

Membuat persiapan di Dewan Majlis Daerah Jelebu

Aktiviti mengemas pentas, menyediakan tempat pameran, menyusun atur barang-barang yang akan digunakan sebelum dan selepas majlis perasmian dilakukan pada Jumaat, 8 Oktober 2010. Keesokan harinya penyediaan hamper untuk aktiviti dilakukan.

Majlis Perasmian

Majlis perasmian telah bermula sedikit lewat kerana masalah pengangkutan berikutan pergerakan bas UiTM menjemput pelajar-pelajar sekolah tidak sebagaimana dirancang. Namun situasi ini telah diatasi dengan segera. Bagaimanapun ia berjalan lancar sebagaimana dirancang. Kehadiran ketua-ketua kampung dan masyarakat telah menjadikan majlis ini lebih meriah.

Pameran

Pameran telah berlangsung dengan jayanya. Tetamu kehormat yang mewakili Penglibatan Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, pembekal buku dan pihak penganjur sendiri, Fakulti Pengurusan Maklumat adalah sangat menakjubkan. ANM telah menyediakan bahan pameran berskala besar dan sangat bermanfaat kepada pengunjung bagi memahami sejarah negara dan konsep 1Malaysia. PNM juga tidak kurang hebatnya dengan pameran dan pertandingan untuk pengunjung. PNM sentiasa berterusan menggalakkan percambahan budaya membaca dan kepentingan mengetahui maklumat untuk menjadi masyarakat berpengetahuan.

Aktiviti Mewarna

Aktiviti mewarna bagi kanak-kanak pra-sekolah dimulakan sebaik sahaja selesai majlis perasmian. Seramai 43 orang pelajar yang mnyertai aktiviti mewarna dari 2 buah sekolah yang terlibat iaitu SJK(CP) Chun Yin dan SK. Undang Jelebu ,dan terdapat 2 buah sekolah yang tidak menghantar pelajar iaitu SK Triang dan SK.Kuala Klawang. Aktiviti ini juga terbuka kepada murid-murid dari sekolah rendah dari pelbagai sekolah dan SK Putra. Penyampaian

hadiah diadakan awal kerana guru dan pelajar SKJ(C) Chun Yin ingin pulang pada pukul 12 tengahari.

Aktiviti Pertunjukan Boneka

Pertunjukan boneka telah diadakan oleh kakitangan Perpustakaan Awam Jelebu. Seramai 43 orang kanak-kanak pra-sekolah dan 29 orang pelajar sekolah rendah yang terlibat menonton pertunjukan tersebut. Sebahagian kanak-kanak pra-sekolah telah dibawa pulang awal oleh ibu bapa mereka, maka sesi bercerita tidak dapat dijalankan. Sebaliknya telah digantikan dengan 2 aktiviti lain untuk pelajar sekolah rendah iaitu permainan 1 kertas dan air 4 penjuru. Kedua-dua permainan tersebut dijalankan bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dalam diri setiap individu dan mencapai kesepakatan dalam menyelesaikan masalah.

Ceramah Prospek Pengajian di IPT

Ceramah ini telah melibatkan 65 pelajar tingkatan 4 dan 5 dari 3 buah sekolah menengah; SMT Kuala Klawang, SMK Gelami dan SMK Dato' Undang Musa. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Dr. Azman bin Mat Isa, Timbalan Dekan (Pelajar & Alumni), Fakulti Pengurusan Maklumat. Ceramah ini bertujuan untuk memberikan suntikan motivasi kepada pelajar perlu belajar dengan cemerlang untuk masa depan yang gemilang. Di samping itu juga pelajar dimaklumkan tentang syarat-syarat kelulusan yang diperlukan untuk meneruskan pengajian di peringkat pengajian tinggi. Ceramah ini juga turut memperkenalkan Fakulti Pengurusan Maklumat kepada para pelajar, sekaligus memberikan kata-kata perangsang kepada para pelajar agar terus berusaha dengan bersungguh-sungguh. Maklumbalas yang diterima membuktikan para pelajar sangat-sangat menghargai ceramah yang diberikan kerana ia telah menjadikan mereka lebih sedar tentang pentingnya untuk belajar dengan cemerlang bagi menjamin masa depan yang cerah.

Info Hunt

Info Hunt ada permainan seperti pencarian harta karun. Beza adalah peserta dikehendaki mencari maklumat berkaitan dengan konsep 1Malaysia. Sumber-sumber maklumat ini semua terdapat dalam perpustakaan. Ia telah dapat meningkatkan daya fikir dan kemahiran mencari maklumat di kalangan peserta. Permainan ini telah diadakan pada hari Sabtu petang di Perpustakaan Awam Jelebu. Ia disediakan untuk para pelajar yang menyertai ceramah prospek pengajian di IPT agar mereka lebih mengenali perpustakaan, cara pencarian buku dengan pantas dan menggunakan perpustakaan dengan sepenuhnya. Para pelajar dibahagikan kepada

10 kumpulan dan setiap kumpulan diberikan tugas dan petunjuk untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan, mereka juga diberikan telur sebagai barang amanah. Permainan ini berjalan seperti yang dirancang dengan kerjasama semua pihak bukan sahaja para pelajar sekolah menengah malah mahasiswa dan kakitangan perpustakaan yang terlibat juga turut memberikan kerjasama yang sewajarnya.

Senamrobik

Acara ini telah diadakan pada hari Ahad jam 8.45 pagi. Senamrobik yang diketuai oleh 5 orang mahasiswa. Bermula dengan senaman pemanasan badan, diikuti dengan aerobik, poco-poco dan 'chicken dance'. Senamrobik yang mengambil masa kira-kira 30 minit ini telah disertai oleh semua peringkat usia termasuk kanak-kanak, pelajar sekolah rendah dan menengah dan ibu bapa serta guru-guru pengiring. Ia telah dapat menceriakan semua yang terlibat sebelum acara sukaneka dijalankan.

Bawa bola ping pong

Permainan ini dibuka kepada kanak-kanak pra-sekolah. Setiap sekolah menghantar 2 kumpulan dengan 5 orang peserta setiap kumpulan. Disebabkan penyertaan yang di luar jangkaan, permainan ini telah dilakukan secara berperingkat.

Isi air dalam botol

Pelajar yang terlibat adalah pelajar-pelajar sekolah rendah. Permainan ini berjalan lancar seperti yang dirancang. Acara telah berlangsung dengan meriahnya.

Boling padang

Permainan ini melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah. Peserta diberikan sebiji kelapa dan mereka hendaklah menjatuhkan sebanyak mungkin botol-botol yang berisi air dan tanah untuk memenangi pertandingan ini. Disebabkan sambutan yang sangat menggalakkan, maka permainan ini diadakan secara liga bagi membolehkan semua orang dapat mengambil bahagian dalam permainan ini.

Tarik bola dengan gelung

Peserta terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah. Permainan ini berjalan lancar walaupun terdapat beberapa guru pengiring yang sering membuat bantahan arahan urusetia kerana terlalu emosi walaupun permainan hanya untuk acara sukaneka sebegini.

Kerusi muzik

Peserta terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah rendah. Permainan ini diadakan 2 kali kerana penyertaan yang terlalu ramai.

Tarik guni

Tarik guni digunakan sebagai pengganti kepada tarik upih. Peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah. Aktiviti ini berjalan lancar dan sangat meriah.

Cari gula-gula dalam tepung

Peserta terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah. Permainan ini berjalan lancar walaupun terdapat sedikit campur tangan daripada guru-guru tadika. Semua peserta sangat gembira dengan pertandingan ini.

Belon air


Peserta terdiri daripada golongan dewasa iaitu pelajar-pelajar sekolah menengah dan golongan-golongan ibu.

Selipar tempurung

Peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah. Aktiviti ini berjalan lancar. Permainan tradisional ini memberikan pengalaman baru bagi peserta dari pelbagai bangsa.

Tarik tali

Acara ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dan ibu bapa yang hadir. Pertandingan dijalankan secara liga. Ianya sangat meriah dan berlangsung dalam suasana penuh semangat kesukanan.



Menganyam ketupat

Acara ini terbuka kepada semua pengunjung karnival dan telah berjalan lancar. Ramai peserta daripada peringkat pelajar sekolah, mahasiswa dan dewasa termasuk guru pengiring dan ibubapa.

Gotong-royong

Gotong-royong membersihkan padang telah diadakan bertujuan untuk memupuk disiplin menjaga kebersihan dan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar. Kanak seawal umur pra-sekolah bersama-sama dengan semua yang terlibat tanpa mengira letih telah membersihkan padang seperti sebelumnya dalam masa yang sangat singkat. Ini sangat menakjubkan.

Penilaian Program

Secara keseluruhannya Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia ini telah berlangsung dengan jayanya. Komitmen semua pihak yang terlibat amat menakjubkan terutamanya Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Pejabat Pendidikan Daerah Jempol/Jelebu, Jabatan Penerangan Daerah, Majlis Daerah Jelebu, Pejabat Daerah Jelebu. Para peserta juga telah memberikan komitmen yang tinggi dalam program ini dan para pelajar sekolah turut memberikan kerjasama dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Pencapaian dan Keberkesanan Program

Pelaksanaan Karnival Ilmu dan Maklumat 1Malaysia telah memperlihatkan semangat kerjasama dan tola-ansur yang tinggi yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat dan peserta karnival ini. Para peserta ceramah motivasi dan prospek pengajian di IPT telah memberikan maklum balas positif di atas maklumat dan nasihat yang telah diberikan. Mereka kini Nampak laluan yang lebih jelas untuk masa depan yang lebih gemilang.

Semangat perpaduan dan bekerjasama seperti kehendak konsep 1Malaysia dapat dilihat dengan jelas sepanjang 2 hari karnival berlangsung, terutamanya pada hari kedua. Penglibatan kelompok sasaran adalah di luar jangkaan. Penyertaan daripada semua bangsa termasuk anak-anak dari masyarakat orang Asli telah memenuhi objektif karnival iaitu penglibatan semua bangsa dalam masyarakat di daerah Jelebu.

Bagi para mahasiswa yang mengendalikan karnival ini, mereka dapat belajar dan meningkatkan kemahiran komunikasi dengan masyarakat yang berbeza latar belakang dan usia. Pengalaman